

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 24 OGOS 2023  
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
PAUTAN : <https://www.utusan.com.my/nasional/2023/08/program-edl-diwujud-latih-kemahiran-ekonomi-digital-pengurusan-tertinggi-awam-swasta/>

### **Program EDL diwujud latih kemahiran ekonomi digital pengurusan tertinggi awam, swasta**



RAFIZI RAMLI

PUTRAJAYA: Kerajaan mewujudkan program kepimpinan digital kepada penjawat awam dan swasta di peringkat pengurusan tertinggi dengan menyediakan kemahiran yang diperlukan untuk mengemudi ekonomi digital.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, usaha ini diterjemahkan melalui satu kerjasama strategik di antara Kementerian Ekonomi (melalui agensinya MyDIGITAL Corporation), institusi akademik terkemuka, Asia School of Business (ASB)/MIT Sloan Management dan syarikat-syarikat teknologi terbesar di dunia dalam menganjurkan Program Kepimpinan Digital Eksekutif (EDL).

Beliau berkata, Rakan Strategik Teknologi termasuk pemimpin industri seperti Amazon Web Services, Google Cloud, IBM, Microsoft, dan Shopee turut menjayakan pengisian program kepimpinan digital itu.

“(Program EDL ini bertujuan) mengembangkan proses pendigitalan di sektor awam dan swasta dengan lebih cepat bermula dari pengurusan kanan organisasi awam dan swasta.

“Selain itu ialah mengharmonikan dasar kementerian-kementerian dan agensi kerajaan untuk memenuhi kehendak dan arus perubahan sektor swasta berhubung pendigitalan dan penggunaan teknologi,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Menurut Rafizi, program selama tiga bulan ini menawarkan pengalaman pembelajaran yang dikendalikan oleh ASB dan MIT Sloan.

Katanya, pengurusan kanan sektor awam dan swasta yang menyertai EDL ini juga akan melalui modul-modul ‘immersive learning’ yang dikendalikan oleh Rakan Strategik Teknologi (syarikat-syarikat teknologi terbesar dunia).

Ia bertujuan memberi mereka peluang memahami bagaimana syarikat teknologi dunia dibangunkan dan diuruskan, terutamanya dalam menjana inovasi dan kreativiti.

“Permohonan kini dibuka kepada calon-calon yang berminat. Maklumat lanjut boleh diperolehi di <https://www.mydigital.gov.my/executive-digital-leadership-programme/> ,” katanya. – UTUSAN